

Unimas diwartakan kawasan larangan merokok

Jum 31.8.07 29

KOTA SAMARAHAN 30 Ogos - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) mewartakan kawasan awam di kampusnya sebagai kawasan larangan merokok sebagai usaha menjayakan program 'Tak Nak Merokok'.

Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Tan Sri Amar Bujang berkata, langkah itu juga bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar supaya menghentikan tabiat merokok.

Menurutnya, sehubungan itu, pihaknya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan disiplin terhadap kakitangan dan pelajar yang mengingkari peraturan berkenaan.

"Kita juga akan membuat pemeriksaan mengejut di kawasan awam dan tandas yang menjadi tumpuan pelajar dan kakitangan menghisap rokok," katanya pada pelancaran Karnival Sihat Sepanjang Hayat anjuran Jabatan Kesihatan Sarawak dan Unimas di sini, semalam.

Amar turut menasihatkan pelajar supaya tidak memulakan tabiat merokok bagi memastikan kesihatan yang berkekalan dan menghindari daripada pelbagai risiko penyakit.

Sebaliknya, kata beliau, pelajar perlu mengamalkan gaya hidup sihat supaya menjadi ma-

syarakat yang cergas.

Katanya, antara langkah yang boleh dilakukan ialah dengan mengambil makanan yang seimbang serta melakukan senaman.

"Tabiat merokok tidak mendatangkan sebarang faedah malahan ia menyebabkan pelbagai penyakit kronik," katanya.

Meningkat

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Sarawak, Dr. Andrew Kiyu dalam ucapannya berkata, kajian mendapati bilangan perokok wanita dan remaja di negara ini semakin meningkat.

Menurutnya, ia disebabkan promosi syarikat tembakau yang memperluaskan jaringan pasaran masing-masing kerana mahu mengaut keuntungan.

Beliau berkata, dalam menangani masalah merokok di kalangan masyarakat, kerajaan akan menggiatkan kempen meninggalkan tabiat merokok menerusi kempen 'Tak Nak Merokok'.

"Hasrat kita adalah untuk melihat terdapatnya perubahan masyarakat supaya kaki rokok berhenti merokok secara sukarela," katanya.